



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO SALURKAN RM3.57 JUTA UNTUK TINGKATKAN KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

**KUALA LUMPUR** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) komited meneruskan usahanya untuk meningkatkan kesedaran **Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)** dalam kalangan majikan dan pekerja dengan **menyampaikan Geran Bantuan Kewangan** berjumlah **RM3.57 juta** kepada **37** institusi dan badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pada tahun ini.

Bantuan kewangan PERKESO ini adalah berasaskan skop dan bidang bagi setiap institusi dan NGO untuk membantu PERKESO memupuk kesedaran mengenai KKP, seterusnya mengurangkan kadar kemalangan dalam negara.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Haji Awang Bin Hashim** telah menyampaikan Geran Bantuan Kewangan PERKESO kepada wakil-wakil institusi dan badan-badan NGO yang terpilih dalam **Majlis Penyerahan Geran Bantuan Kewangan PERKESO kepada Institusi dan Badan-badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) 2022**, hari ini. Turut hadir, Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed dan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ir. Zailee Bin Dollah.

Pada tahun 2021, PERKESO telah menerima sebanyak **56,990** kes kemalangan, di mana **33,096** daripadanya merupakan kes kemalangan industri dan **23,894** adalah kes kemalangan semasa dalam perjalanan (*commuting accident*). Perkara ini perlu diberi perhatian kerana kecuaiian dan kelemahan pemantauan ke atas pematuhan KKP di tempat kerja merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kes kemalangan ini.

Sehubungan itu, sebanyak **639** program di bawah Geran Bantuan Kewangan PERKESO telah dirancang keseluruhannya untuk tahun 2022, di mana **333** daripadanya adalah untuk penganjuran seminar dan kursus sementara **217** program adalah untuk siri kursus keselamatan perjalanan. PERKESO juga telah memperuntukkan sebanyak **89** program bagi tujuan promosi KKP.

Fokus aktiviti pencegahan pada tahun 2022 ini adalah kepada aktiviti pencegahan berdasarkan **Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25)**, di mana PERKESO akan memberikan fokus kepada **Strategik 7** dalam OSHMP 25 iaitu bagi memperkukuhkan **Pengurusan Keselamatan berkaitan Jalan Raya Pekerjaan (WRRS)** dan **Strategik 5** bagi **memantapkan Pengurusan KKP di Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** dengan menjalankan **Program Sokongan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**. Selain itu, PERKESO turut menekankan elemen **pengukuhan amalan sendiri di tempat kerja** seperti yang digariskan dalam **Strategik 2** OSHMP25, khusus buat pekerja asing yang juga pencazum PERKESO.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**15 Februari 2021**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720.**